

## Allah sebagai *al-Badi'*: Inspirasi untuk menjadi Guru Inovatif

Wan Ali Akbar Wan Abdullah<sup>1</sup>, Khadijah Abdul Razak<sup>2</sup> & Mohd Isa Hamzah<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

### Article Info

**Received:**

17 Mac 2020

**Accepted:**

31 March 2020

**Publish**

06 April 2020

**E-mail address:**

\*corresponding Author :

\*wanaliaknar.kpm@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

Allah sebagai Inovator jarang dikaji. Sedangkan Allah adalah kemuncak kesempurnaan Inovator. Oleh itu, para guru perlu menjadikan Allah sebagai inspirasi untuk menjadi inovator unggul. Kajian ini dijalankan secara kualitatif. Nama Allah *al-Badi'* menjadi fokus kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan tujuh langkah perlu diambil oleh guru yang ingin menjadi guru inovatif, iaitu; 1) mengambil langkah pertama untuk menjadi guru inovatif, 2) menanam azam untuk menjadi guru inovatif, 3) memupuk motivasi dalaman untuk berinovasi, 4) belajar sehingga mempunyai kemampuan ilmu untuk berinovasi, 5) berkolaborasi dengan pelbagai pihak, 6) berdoa kepada *al-Badi'*, dan 7) menyebarkan hasil inovasi.

Keyword: *al-Badi'*, guru inovatif, inovasi dalam Islam

### Pengenalan

Allah ada 99 nama (Al-Bukhari, 2001; At-Tirmizi, 1998; Ibnu Majah, n.d.; Muslim, n.d.) yang dikenali sebagai *al-Asma' al-Husna* (Taha, 20:8; al-'Araf, 7:180; al-Hasyr, 59:24; al-Isra', 17:110). Walaupun hadis jelas menyebut mengenai bilangan nama Allah, namun sebenarnya tiada sesiapa yang tahu bilangan sebenar nama Allah. Hal ini kerana perbincangan mengenai nama Allah bersifat *tauqifi*, iaitu mestilah disandarkan kepada al-Quran dan hadis yang sahih (At-Tahir, 2008). Namun, para ulama sepakat mengatakan bahawa nama Allah tidak terbatas kepada 99 nama sahaja. Ibn Kasir (2008) menukilkan pandangan al-Imam Abu Bakr bin al-Arabi bahawa terdapat 1000 nama Allah yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadis. Namun, An-Nawawi (1972) ketika mensyarahkan hadis riwayat Muslim (n.d.) mengatakan bahawa sejumlah 99 nama itu, jika dikaji dan dihayati, sudah cukup untuk membawa pengkaji itu kepada syurga.

99 *al-Asma' al-Husna* itu, ada disenaraikan dalam pelbagai riwayat dengan nama yang berbeza-beza, antaranya; riwayat At-Tirmizi (1998), Ibnu Majah (n.d.), Ibn Hibban (1988), At-Tabrani (1993) dan Al-Hakim (1990). Namun kesemua hadis itu ditolak kerana tidak mencapai martabat

sahih (At-Tahir, 2008). Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (1960), isu ini timbul kerana ulama berbeza pandangan tentang persoalan, “adakah senarai al-Asma’ al-Husna yang disebutkan merupakan ucapan Rasulullah ataupun ucapan perawi yang meriwayatkan hadis tersebut.” Oleh itu, ada yang berpandangan bahawa nama-nama Allah yang disenaraikan adalah pandangan dan susunan perawi dan bukannya berasal daripada Rasulullah S.A.W. Namun, riwayat At-Tirmizi (1998) adalah hadis yang paling masyhur dan paling banyak digunakan kerana ia adalah riwayat yang paling mendekati sahih (Ibn Hajar al-Asqalani, 1960).

### **Maksud *al-Badi’***

Mungkin bertitik tolak daripada sikap berhati-hati ketika bermuamalat dengan nama Allah, maka tidak banyak kajian dijalankan terhadap Allah sebagai inovator, sedangkan Allah adalah inovator mutlak (Jamal Badi, 2014). Mohd Azhar Abd Hamid et al. (2006) menyenaraikan 35 nama Allah yang mempunyai kaitan dengan Allah sebagai Pencipta, iaitu; *Ar-Rahman, Ar-Rahim, Al-Malik, Al-Quddus, As-Salam, Al-Muhaimin, Al-‘Aziz, Al-Mutakabbir, Al-Khaliq, Al-Bari’, Al-Musawwir, Al-Qahhar, Al-Wahhab, Ar-Razzaq, Al-‘Alim, As-Sami’, Al-Basir, Al-Hakam, Al-‘Adl, Al-Kabir, Al-Hafiz, Al-Hakim, Al-Wakil, Al-Matin, Al-Muhsi, Al-Mubdi, Al-Mu’id, Al-Muhyi, Al-Mumit, Al-Hayy, Al-Qayyum, Malikul Mulk, Ad-Dhorr, Al-Badi’, dan Al-Warith.*

Daripada 35 nama itu, *al-Badi’* adalah nama yang menjadi sesuai diterjemahkan sebagai Inovator. Hal ini kerana dalam bahasa Arab, inovasi berasal daripada perkataan *al-bid’u* (Umar Faruq Abd Allah, 2006). Menurut Anis et al. (n.d.), *al-bid’u* bermaksud sesuatu yang mula-mula dilakukan. Ia berbeza dengan *al-bad’u* (Umar Faruq Abd Allah, 2006). *Al-bad’u* bermaksud permulaan setiap sesuatu (Ibrahim Anis et al., n.d.). Daripada *al-bid’u*, terbitnya perkataan seperti *al-ibda’* dan *al-bid’ah* (Ibrahim Anis et al., n.d.). *Al-ibda’* menurut ahli falsafah adalah mencipta sesuatu daripada tiada, manakala *al-bid’ah* pula bermaksud sesuatu pembaharuan dalam agama dan lain-lain (Ibrahim Anis et al., n.d.). Dari segi istilah pula, *al-Badi’* bermaksud:

Jadual 1: Maksud *al-Badi’* dari segi istilah

| <b>Sumber</b>        | <b>Maksud <i>al-Badi’</i></b>  |
|----------------------|--|
| (Said Ibrahim, 1995) | Allah Pencipta sesuatu yang baru tanpa sesuatu contoh yang terdahulu dan yang menyamai dengan ciptaan-Nya.                             |
| (At-Tahir, 2008)     | Al-Hulaimi mengatakan maksud <i>al-Badi</i> sebagai Allah yang menjadikan sesuatu yang baru dan tidak ada yang sepertinya.             |
| (Al-Kumayi, 2012)    | M. Quraisy Shihab menjelaskan maksud <i>al-Badi’</i> sebagai Pencipta langit dan bumi serta segala isinya tanpa ada contoh sebelumnya. |
| (Al-Asyqar, 2010)    | Mengadakan dan berinovasi langit dan bumi dengan tidak meniru bentuk yang sudah ada sebelumnya.  |

Empat maksud yang dinyatakan di atas mempunyai empat elemen, iaitu; 1) Allah adalah Pencipta, 2) Allah mencipta sesuatu yang baru, 3) ciptaan Allah itu tidak ada sesuatu yang sama dengannya sebelum Allah menciptakannya, dan 4) ciptaan Allah meliputi segala yang ada di langit dan di bumi. Kesimpulannya, maksud *al-Badi’* ialah Allah sebagai Pencipta segala apa-apa yang ada di langit dan di bumi dengan penciptaan sesuatu yang baru tanpa ada sesuatu yang dijadikan contoh sebelumnya.

### ***Al-Badi’* dalam al-Quran**

Dalam al-Quran, dua kali Allah menggunakan nama *al-Badi'*, yaitu dalam surah al-Baqarah (2:117) dan surah al-'An'am (6:101). Persamaan kedua-dua ayat ini adalah kedua-duanya didahului dengan dakwaan bahawa Allah ada anak (al-Baqarah, 2:116; al-'An'am, 6:100) menunjukkan kepada adanya permulaan atau asal usul kepada anak, iaitu ayah. Orang musyrik mengatakan bahawa para malaikat adalah anak perempuan Allah, manakala orang Yahudi mengatakan bahawa Uzair anak Allah dan orang Nasrani pula mengatakan bahawa Isa anak Allah (Wahbah az-Zuhaili, 1997). Maka, Allah menafikan kesemua dakwaan itu dengan ayat ini. Para ulama tafsir merumuskan daripada ayat ini beberapa hujah untuk menolak dakwaan bahawa Allah mempunyai isteri atau anak, iaitu:

- Allah yang mencipta segala yang ada di langit dan di bumi, maka mustahil bagi Allah mempunyai anak atau isteri (Hamka 2015; Wahbah az-Zuhaili 1997).
- Semua yang diciptakan Allah berstatus makhluk dan hamba termasuk para nabi dan rasul, namun tiada makhluk yang akan melangkaui martabat itu (Wahbah az-Zuhaili 1997). Maka mustahil ada makhluk Allah yang diangkat kepada martabat ketuhanan.
- Jika Allah mempunyai isteri, siapakah yang mencipta isteri-Nya? Secara logikanya, hal ini menunjukkan bahawa mustahil bagi Allah mempunyai isteri. Begitu juga dengan anak (Hamka 2015). Jika Allah yang mencipta anak-Nya, maka sudah tentu anak-Nya itu adalah makhluk-Nya dan bukan anak-Nya. Maka, bagaimana pula dengan kejadian yang lain?
- Anak adalah sifat bagi makhluk yang baru dan tidak layak bagi Allah yang bersifat tidak berubah, tiada awal dan akhir serta menjadi tempat bergantung seluruh makhluk untuk mempunyai anak (Wahbah az-Zuhaili 1997).

Oleh yang demikian, Allah menggunakan lafaz *badi'* untuk menunjukkan bahawa tidak mungkin Allah mencipta isteri dan anak untuk diri-Nya sedangkan permulaan adalah sifat bagi makhluk. Mustahil Allah berkahwin dan mempunyai anak dengan makhluk. Sebaliknya seluruh alam meliputi langit dan bumi ada permulaan dan mempunyai asal kejadian. Contohnya Nabi Adam diciptakan daripada tanah (Sod, 38:76), manakala manusia lain diciptakan daripada air mani (at-Tariq, 86:6). Tanah dan air mani itu bermula daripada tiada. Maka inovasi Allah itu adalah pada sesuatu yang telah ada, namun diubahsuai menjadi sesuatu yang lain, sama ada proses itu dilalui dengan proses adaptasi atau pun kombinasi elemen (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2007; Lednor, 2019). Hal ini selari dengan pandangan Al-Qurtubi (1964) ketika membahaskan mengenai firman Allah "Jadi" maka jadilah ia (al-Baqarah, 2:117). Al-Qurtubi (1964) menukilkan pandangan al-Mawardi bahawa apabila Allah memerintahkan "jadi" kepada sesuatu, maka perintah itu menunjukkan ada sesuatu yang diperintah. Mustahil Allah mengeluarkan perintah dalam keadaan sesuatu itu belum ada atau kepada sesuatu yang telah terjadi. Maka hal ini menunjukkan bahawa sesuatu itu telah ada. Allah mengeluarkan perintah agar sesuatu itu terjadi sesuatu yang lain. Al-Qurtubi (1964) membawa contoh, Allah memerintahkan Bani Israel menjadi kera. Perintah itu diberikan dalam keadaan Bani Israel telah ada. Mereka diubah menjadi kera.


Penggunaan lafaz *Badi'* dalam kedua-dua ayat ini sangat tepat dan selari dengan maksud inovasi, iaitu ada bahan yang diubahsuai serta digabung-gabungkan sehingga menjadi sesuatu produk baru yang bermanfaat untuk kegunaan tertentu (Lednor, 2019; Mohd Zaidi Ismail, 2014). Allah terbukti adalah Inovator mutlak, apabila Allah mengaitkan diri-Nya sebagai inovator dengan meletakkan produk inovasinya secara umum, iaitu langit dan bumi. Menurut Al-Asyqar (2010), *al-Badi'* menunjukkan kepada pengertian yang mengadakan dan yang berinovasi langit dan bumi dengan tidak meniru bentuk yang sudah ada sebelumnya. Hal ini menunjukkan segala perkara yang ada di langit dan di bumi adalah produk hasil inovasi Allah (Jamal Badi, 2014). Kesilapan sistem kreativiti Barat adalah apabila pemikiran sekular mereka tidak meletakkan faktor ketuhanan sebagai sandaran asas kepada sumber ilmu dan inovasi manusia (Hashimah Md

Yusoff, 2019). Konsep Allah sebagai Inovator ini selaras dengan konsep reka cipta yang dihuraikan oleh Mohd Azhar Abd Hamid et al. (2006) yang secara ringkasnya dapat difahami melalui rajah di bawah:



Rajah 1: Konsep Allah sebagai Pencipta

Jamal Badi (2014) pula merumuskan daya penciptaan Allah dan kaitannya dengan inovasi ketuhanan kepada empat aspek, iaitu; kreativiti dalam al-Quran, kreativiti dalam penciptaan alam semesta, kreativiti dalam penciptaan manusia dan kreativiti Rasulullah dalam menyampaikan risalah. Secara visual, ia dapat dilihat melalui rajah di bawah:



Rajah 2: Ilustrasi kekuasaan kreativiti Allah

### Iktibar daripada *al-Badi'* bagi Guru Inovatif

Nama Allah menonjolkan kesempurnaan Allah. Maka *al-Badi'* adalah kemuncak kepada kesempurnaan inovator. Oleh yang demikian, guru inovatif perlu menjadikan *al-Badi'* sebagai

iktibar agar dapat menjadi inovator hebat. Al-Kumayi (2012) menyebut mengenai iktibar umum yang boleh diambil daripada *al-Badi'*, iaitu; 1) manusia perlu menanam dalam diri mereka sifat untuk menjadi orang yang kreatif dan inovatif, 2) manusia perlu berani mencuba melakukan perkara yang baru, dan 3) manusia tidak boleh mencuri idea orang lain atau mengakui hasil kerja orang lain sebagai hasil kerja sendiri.

Dari sudut pengajaran pula, Allah telah mengajar Nabi Adam nama-nama yang tidak diketahui oleh para malaikat (*al-Baqarah*, 2:31). Maka, nama-nama itu adalah satu inovasi yang diajarkan oleh Allah kepada Nabi Adam. Nabi Adam bukan sahaja berjaya menyebut nama yang berbeza-beza, bahkan baginda kreatif dalam membezakan fungsi setiap objek itu untuk kegunaannya serta manfaat alam sekitar (Jamal Badi, 2014). Hal ini menyebabkan para malaikat mengakui akan kesucian Allah (*al-Baqarah*, 2:32). Menurut Mohd Azhar Abd Hamid et al. (2006), menggunakan ilmu yang diajar oleh Allah itu, maka Nabi Adam dan keturunannya mampu menjalani kehidupan di dunia dengan mencipta pelbagai inovasi. Hal ini selaras dengan pandangan Lednor (2019) yang menyebut bahawa kemungkinan kaedah mengawal api adalah inovasi yang paling signifikan dan paling besar impaknya dalam kehidupan manusia sejagat. Kaedah tersebut sudah tentu dicipta oleh Nabi Adam sebagai *abul basyar*.

Selain itu, kehebatan dan keagungan nama *al-Badi'* ini sehingga ia termasuk dalam nama-nama Allah yang agung (*Ismullah al-'Azom*). Anas meriwayatkan bahawa pada satu hari Rasulullah memasuki masjid lalu terdengar seorang lelaki berdoa, "Ya Allah! Sesungguhnya tiada tuhan melainkan Engkau, Yang Maha memberi. Yang menciptakan langit dan bumi, Yang Memiliki keagungan dan kemuliaan" (Abu Daud 2009; An-Nasaie 1986; At-Tirmizi 1998; Ibnu Majah n.d.). Selepas Rasulullah mendengar bacaan doa tersebut, baginda mengatakan bahawa doa itu adalah *Asma'ullah al-'Azom* yang jika manusia berdoa dengannya, maka Allah akan kabulkan doa tersebut.

Daripada perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa guru inovatif boleh mengambil iktibar daripada nama *al-Badi'* dalam tujuh aspek iaitu;

1. Mengambil langkah pertama untuk menjadi guru inovatif

KPM telah menyusun pelbagai strategi untuk merangsang aktiviti inovatif di kalangan guru, seperti; 1) penyusunan Model Standard Guru Malaysia dengan menekankan nilai kreatif dan inovatif yang perlu ada dalam kalangan semua guru di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009), 2) membangunkan tiga laluan kerjaya baharu yang menekankan domain kreativiti dan inovasi yang mesti dipenuhi oleh guru yang ingin melalui mana-mana antara tiga laluan ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016), dan 3) memberi pengiktirafan tertinggi kepada guru inovatif melalui Anugerah Guru Inovatif yang diadakan setiap tahun di pelbagai peringkat; daerah, negeri dan kebangsaan sempena Sambutan Hari Guru (Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar, 2018). Oleh itu, apa yang perlu dilakukan oleh guru? Ambil langkah yang pertama untuk turut sama terlibat dengan kegiatan menghasilkan inovasi dalam pengajaran. Hal ini seperti gesaan Allah bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan dia sendiri yang mengubah nasibnya sendiri (*ar-Ra'd*, 13:11). Untuk ambil langkah pertama itu, guru boleh mendapatkan panduan daripada rakan-rakan yang pernah menghasilkan inovasi. Allah menggalakkan supaya manusia bertanya kepada rakan yang lain jika tidak mempunyai pengetahuan tentangnya (*an-Nahl*, 16:43; *al-Anbiya'*, 21:7). Konsep PLC boleh dipraktikkan oleh guru. Hal ini kerana memang menjadi matlamat KPM memperkenalkan PLC, antaranya untuk meningkatkan kualiti dan amalan pengajaran dan pembelajaran guru, menyediakan peluang berlakunya aktiviti perkongsian ilmu, kepakaran dan kerjasama dalam kalangan guru, mewujudkan semangat berpasukan dan membangunkan sekumpulan pengurus



mata pelajaran yang pakar untuk membantu dan memberikan bimbingan kepada pengurus mata pelajaran yang lain (Bahagian Pendidikan Guru, n.d.).

## 2. Menanam azam untuk menjadi guru inovatif

Allah telah menggalakkan agar para guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran sesuai dengan kadar akal pelajar. Galakan ini dijelaskan dalam surah an-Nahl (16:125). Al-Maraghi (1946) ketika menasirkan ayat ini, mengatakan bahawa ada tiga golongan *mad'u* perlu diseru dengan tiga pendekatan berbeza, iaitu; 1) gunakan pendekatan hikmah kepada golongan yang memiliki akal yang cerdas, 2) gunakanlah pendekatan perbincangan yang baik dengan golongan pertengahan, yang biasa, tidak cerdik dan tidak bodoh, dan 3) gunakan pendekatan nasihat secara umum kepada semua golongan dan golongan yang lemah daya fikir. Apabila menyebut mengenai perbincangan yang baik, Al-Maraghi (1946) memetik hadis riwayat Ibn Umar bahawa Rasulullah bersabda, “Kami para nabi diperintahkan untuk bercakap dengan manusia mengikut kadar kemampuan akal mereka (Al-Maraghi, 1946; Al-Mawardi, n.d.).” Penyediaan guru menyampaikan ilmu mengikut kadar kemampuan akal pelajar adalah satu usaha yang kreatif dan boleh mencapai tahap inovatif. Hal ini kerana kalau guru menghasilkan sesuatu seperti BBM, teknik atau strategi, maka penghasilan itu adalah inovasi. Maka penggunaan ayat ini sesuai dilihat sebagai galakan Allah kepada manusia terutamanya para guru untuk menyesuaikan teknik penyampaian secara kreatif dan inovatif mengikut kemampuan pelajar masing-masing. Oleh itu, para guru perlu menanam azam untuk turut sama terlibat dalam aktiviti berinovasi. Allah berfirman, “apabila engkau telah berazam maka bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya (Abdullah Basmeih, 2011; 3:159).”

## 3. Memupuk motivasi dalaman untuk berinovasi

Motivasi sangat penting dalam memandu seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan (Morris & Maisto, 2002; Reeve, 2005). Menurut Amabile (1988), motivasi mungkin adalah komponen yang paling penting dalam memastikan sesuatu tindakan oleh individu kreatif itu dilakukan. Motivasi yang paling utama ialah matlamat kerana dengan adanya matlamat, maka akan lahir dorongan dalaman (Dawson & Andriopoulos, 2017; Ford, 1996). Motivasi intrinsik sebenarnya lebih berkesan dalam mendorong seseorang untuk bertindak kerana ia datang daripada dalaman diri seseorang (Amabile 1988). Hal ini menjadikan ahli psikologi lebih banyak mengkaji mengenai motivasi intrinsik yang boleh mendorong sesuatu perbuatan kreatif berbanding motivasi ekstrinsik (Amabile et al. 1994). Berfokus kepada hubungan antara motivasi intrinsik dan inovasi, kajian oleh Fischer et al. (2019) mendapati bahawa lebih tinggi motivasi intrinsik seseorang, maka lebih tinggi daya kreativiti dan hasil inovasinya.

Bagi orang Islam, dorongan motivasi tertinggi adalah untuk mendapat reda Allah. Hal ini hanya dapat dicapai oleh sebaik-baik manusia. Menghasilkan inovasi adalah sebahagian daripada usaha untuk mencapai martabat tersebut. Sesiapa yang menghasilkan inovasi tergolong dalam kalangan sebaik-baik manusia (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2014). Hal ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bahawa Rasulullah bersabda, “Sebaik-baik manusia adalah yang memberi manfaat kepada orang lain (At-Tabrani, n.d.).” Justeru, tidaklah menghairankan apabila Rasulullah mengangkat martabat Salman al-Farisi daripada seorang *a'jam biasa* (bukan berbangsa Arab) kepada *ahlul bait* (ahli keluarga Rasulullah) kerana idea inovasi strategi perang yang diberikan olehnya ketika Perang Khandaq telah berjaya membawa Islam kepada kemenangan (Al-Qurtubi, 1964). Menjadi sebaik-baik manusia dan diangkat martabat adalah matlamat yang berada dalam landasan yang tepat untuk mencapai reda Allah.

## 4. Belajar sehingga mempunyai kemampuan ilmu untuk berinovasi

Salah satu tugas guru yang hakiki adalah sebagai perancang pengajaran (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2017). Untuk menghasilkan inovasi pengajaran, para guru perlu mempunyai ilmu tertentu. Para sarjana berbahas panjang mengenai ilmu untuk menghasilkan inovasi dalam pengajaran. Dalam hal ini, Thurlings et al. (2015) menyenaraikan empat jenis ilmu atau kompetensi yang perlu diketahui oleh guru untuk berinovasi, iaitu; 1) pembangunan kompetensi spesifik, 2) kepakaran penyelesaian masalah, 3) kemahiran mengenal dan menganalisis peluang, dan 4) ilmu pengetahuan pedagogi kandungan. Kepakaran penyelesaian masalah dan kemahiran mengenal dan menganalisis peluang disatukan oleh Amabile (1988) dan melabelkannya sebagai kemahiran kognitif istimewa. Sebagai tambahan, Amabile (1988) memasukkan kemahiran sosial sebagai salah satu kemahiran yang perlu ada pada seseorang yang kreatif. Sebagai rumusan daripada kesemua kemahiran ini, ada empat kemahiran yang akan dibincangkan, iaitu; 1) kompetensi spesifik, 2) kemahiran kognitif, 3) kemahiran pedagogi kandungan, dan 4) kemahiran sosial.

Kompetensi spesifik bermaksud ilmu atau kemahiran tertentu yang diperlukan untuk menghasilkan inovasi dalam bentuk atau bidang tertentu (Dawson & Andriopoulos, 2017). Contohnya, Thurlings et al. (2015) mengatakan bahawa pada zaman kini, kemahiran ICT adalah kemahiran yang paling dominan dalam penghasilan inovasi oleh guru. Hal ini bertitik tolak daripada perkembangan dunia teknologi hari ini sehingga para guru turut tidak terkecuali daripada usaha untuk menghasilkan inovasi berasaskan teknologi ICT. Walau bagaimanapun, inovasi tidak semestinya dihasilkan menggunakan ICT. Oleh yang demikian, kemahiran yang lain diperlukan untuk menghasilkan inovasi dalam bentuk yang lain. Contoh lain, inovasi berasaskan grafik hanya boleh dihasilkan oleh guru yang mahir dengan kemahiran grafik dan melukis.

Contoh kemahiran kognitif pula ialah kemahiran menyelesaikan masalah dalam bidang tertentu, kemahiran penyelesaian masalah secara umum dan kemahiran berfikir kreatif (Amabile 1988). Kepakaran penyelesaian masalah dikaitkan dengan bagaimana seseorang guru mencari kaedah untuk bekerja ketika dikelilingi oleh masalah, lalu memikirkan strategi atau alternatif untuk menyelesaikan masalah itu. Menurut Thurlings et al. (2015), kemahiran penyelesaian masalah menuntut guru untuk memanfaatkan krisis dan ketidakfungsian dan berfikir solusi lain apabila tersekat pada sesuatu solusi biasa yang tidak mampu menyelesaikan masalah. Dari sudut kemahiran mengenal dan menganalisis peluang pula, guru perlu menilai peluang dan yakin untuk mengambil risiko (Thurlings et al., 2015).

Konsep pengetahuan pedagogi kandungan pula menekankan kepada tiga jenis pengetahuan yang perlu ada pada guru, iaitu; 1) pengetahuan konten, 2) pengetahuan pedagogi, dan 3) pengetahuan praktikal dan kemahiran profesional dalam pengajaran (Shulman, 1986). Pengetahuan konten adalah tentang apa-apa yang akan diajar. Pengetahuan pedagogi pula adalah tentang kaedah mengajar sesuatu konten itu. Pengetahuan praktikal dan kemahiran profesional dalam pengajaran pula adalah tentang material sedia ada untuk pengajaran sesuatu konten topik dan pengetahuan pelajar terhadap sesuatu topik daripada subjek yang lain. Sebagai tambahan daripada perbincangan mengenai pengetahuan pedagogi kandungan, Shulman (1987) turut menyenaraikan tujuh pengetahuan minima yang patut ada pada seseorang guru, iaitu; 1) pengetahuan konten, 2) pengetahuan pedagogi secara umum, 3) pengetahuan kurikulum, 4) pengetahuan pedagogi kandungan, 5) pengetahuan mengenai pelajar, 6) pengetahuan tentang konteks pendidikan, dan 7) pengetahuan tentang matlamat akhir pendidikan, tujuan dan nilai pendidikan, falsafah dan sejarah pendidikan.

Kemahiran sosial pula ialah kemahiran berpolitik, mempunyai hubungan yang baik dengan orang lain, pendengar yang baik, ahli kumpulan yang baik dan terbuka kepada idea orang lain (Amabile

1988). Thurlings et al. (2015) turut menyebut mengenai kemahiran sosial, namun diletakkan di bawah kategori kemahiran spesifik. Antara kemahiran sosial yang disebutkan oleh Thurlings et al. (2015) ialah kemahiran kepimpinan, iaitu tentang kemahiran menyusun strategi, kemahiran menyediakan ganjaran, pemikiran yang membina dan kemahiran menyusun kepakaran yang dimiliki dalam kumpulan untuk menyempurnakan hasil inovasi. Hasan Langgulung (1991) ketika membahaskan mengenai sifat sosial orang yang kreatif, mengatakan bahawa orang yang kreatif pandai menyeimbangkan antara sifat introvert dan extrovert. Orang yang kreatif bersifat introvert untuk memberi fokus kepada aktiviti penghasilan inovasi. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, mereka tetap perlu bersifat extrovert, iaitu berjumpa dengan orang ramai untuk menyebarkan manfaat inovasi mereka kepada orang ramai.

#### 5. Berkolaborasi dengan pelbagai pihak

Banyak kekangan yang sentiasa timbul ketika guru menghasilkan inovasi, antaranya; kekangan masa dan tenaga (Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2011; Mohammad Amir Wan Harun, Aminuddin Ruskam, Ahmad Syukran Baharuddin, Rashidah Othman, & Mohd Ariff Abdul Sarip, 2015; Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim, 2017), kekurangan kemahiran (Mohd Faez Ilias, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi, 2013) dan kekurangan pengetahuan (Mohd Faez Ilias et al., 2016; Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri, 2010). Kekangan-kekangan ini dapat diatasi jika guru dapat berkolaborasi ketika menghasilkan inovasi pengajaran. Walaupun *al-Badi* merujuk kepada Allah sebagai Pencipta tanpa dibantu oleh orang lain (Al-Asyqar, 2010), namun manusia adalah makhluk yang tidak mungkin dapat hidup tanpa bantuan. Walaupun dengan bantuan seluruh makhluk, tidak mungkin manusia dapat menandingi kehebatan dan kesempurnaan Allah. Hal ini kerana tiada makhluk yang sebanding (asy-Syura, 42:11) dan sekufu (al-Ikhlâs, 112:4) dengan Allah. Contohnya seperti yang disebutkan oleh Ibn Khaldun (2001) bahawa tidak ramai manusia yang mempunyai kepelbagaian ilmu sedangkan gabung jalin pelbagai jenis ilmu diperlukan untuk menghasilkan inovasi (Mohd Zaidi Ismail, 2014). Maka guru inovatif perlu berkolaborasi untuk menghasilkan inovasi.

Kolaborasi boleh berlaku dengan rakan guru, pakar ataupun dengan pelajar. Konsep kolaborasi dengan guru atau pakar termasuk dalam konsep inovasi terbuka, iaitu perkongsian kepakaran untuk menghasilkan sesuatu inovasi (Lednor, 2019), manakala kolaborasi dengan pelajar selaras dengan konsep inovasi hidup, iaitu menjadikan pengguna sebagai *co-creator* untuk memberikan idea yang praktikal yang sesuai dengan kehendak pengguna (Mathe, 2016). Konsep kolaborasi secara umum pula selaras dengan konsep *ta'awun* atas perkara baik dan takwa (al-Maidah, 5:2). Oleh yang demikian, guru perlu berusaha mencari rakan kongsi atau kumpulan yang dapat bersama-sama menghasilkan inovasi pengajaran yang berkualiti agar dapat dimanfaatkan oleh pelajar.

#### 6. Berdoa kepada *al-Badi*'

Menyedari kelemahan manusia sebagai makhluk dan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah, maka guru inovatif perlu sentiasa berdoa dengan nama *al-Badi*' agar projek inovasi yang sedang diusahakan, akan dipermudahkan penghasilannya. Idea-idea baru adalah milik Allah dan kepada-Nya guru perlu meminta agar Allah dapat membantu guru menjana idea-idea yang bernas untuk menghasilkan inovasi terbaik.

#### 7. Menyebarluaskan hasil inovasi



Selepas inovasi berjaya dihasilkan, guru perlu menyebarkan hasil inovasi itu agar dapat dimanfaatkan secara maksima sama ada oleh para pelajar atau guru lain. Para pelajar dapat memanfaatkan inovasi pengajaran dari sudut membantu mereka belajar dan memahami sesuatu isi pelajaran dengan cepat dan mudah. Para guru lain pula dapat menggunakan inovasi tersebut dalam PdP mereka. Melalui manfaat terhadap inovasi ini, maka inovasi itu akan diiktiraf sebagai inovasi. Sebaliknya inovasi yang tidak dimanfaatkan, tidak akan diiktiraf sebagai inovasi (Mathe, 2016). Inovasi yang dimanfaatkan akan menjadi saham yang berpanjangan kepada guru inovatif. Hal ini seperti hadis Rasulullah yang menyatakan tiga perkara yang akan berterusan menyalurkan pahala walaupun selepas kematian seseorang itu, antaranya; ilmu yang bermanfaat (Abu Daud, 2009; At-Tabrani, 1993; At-Tirmizi, 1998; Ibn Hibban, 1988; Ibnu Majah, n.d.). Isunya adalah inovasi yang gagal disebarluaskan dalam tempoh lima tahun akan pupus (Agéllii Genlott, Grönlund, & Viberg, 2019). Dalam memastikan inovasi itu disebarluaskan, guru inovatif perlu menyebarkan inovasi tersebut kepada guru yang akan bertindak sebagai pemakai awal. Pemakai awal ada sebanyak 13.5% sahaja daripada kalangan guru (Rogers, 1983). Mereka adalah pemimpin guru lain dan menjadi model ikutan orang lain (Mohd Azhar Abd Hamid et al., 2006). Jika inovasi yang dihasilkan oleh guru inovatif dapat meyakinkan hati para guru dari kalangan pemakai awal, maka mereka akan menjadi agen untuk menyebarkan inovasi tersebut kepada majoriti awal yang lain dari kalangan guru.

Pelbagai platform boleh digunakan oleh guru inovatif untuk menyebarkan hasil inovasi mereka, terutamanya kepada pemakai awal. Melalui Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan, (PPPB), guru inovatif dapat menyebarkan inovasi melalui tiga aktiviti, iaitu; 1) PLC, 2) penulisan dan pengkaryaan, dan 3) wacana ilmu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Sebagai tambahan, guru juga boleh menyebarkan inovasi melalui perkongsian video amalan terbaik kaedah dan inovasi PdP melalui Portal e-Guru (Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar, 2018). Jika berkemampuan, guru juga boleh memasarkan hasil inovasi itu sepertimana yang dilakukan oleh Ustazah Hashimah Md Yusuff (Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar, 2016). Melalui kepelbagaian strategi yang digunakan oleh guru inovatif, hasil inovasinya akan tersebar dan dimanfaatkan oleh ramai guru dan pelajar yang lain.

## Kesimpulan

*Al-Badi'* adalah nama Allah yang agung. Nama itu dapat menjadi inspirasi kepada para guru untuk bergelar guru inovatif. Sebagai iktibar daripada Allah sebagai *al-Badi'*, langkah-langkah berikut boleh diambil oleh guru inovatif, iaitu; 1) mengambil langkah pertama untuk menjadi guru inovatif, 2) menanam azam untuk menjadi guru inovatif, 3) memupuk motivasi dalaman untuk berinovasi, 4) belajar sehingga mempunyai kemampuan ilmu untuk berinovasi, 5) berkolaborasi dengan pelbagai pihak, 6) berdoa kepada *al-Badi'*, dan 7) menyebarkan hasil inovasi.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Basmeih. (2011). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.

Abu Daud, S. al-'Asy'as. (2009). *Sunan Abi Daud*. Damsyik: Dar ar-Risalah al-'Alamiyyah.

Agéllii Genlott, A., Grönlund, Å., & Viberg, O. (2019). Disseminating Digital Innovation in School – Leading Second-order Educational Change. *Education and Information Technologies*, 24, 3021–3039. <https://doi.org/10.1007/s10639-019-09908-0>

Ainon Mohd, & Abdullah Hassan. (2007). *Berfikir seperti Inventor*. Batu Caves: PTS.

Al-Asyqar, U. S. (2010). *Al-Asma' al-Husna*. Jakarta: Qisthi Press.

Al-Bukhari, M. bin I. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Dar Tuqun Najah.

- Al-Hakim, A. A. al-H. M. bin A. (1990). *Al-Mustadrak a'las Sohihain*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Kumayi, S. (2012). *99 Kecerdasan Berasaskan Asmaulhusna*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Al-Maraghi, A. M. (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladihi.
- Al-Mawardi, A. H. A. M. (n.d.). *Tafsir al-Mawardi*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, A. A. M. A. (1964). *Tafsir al-Qurtubi*. Kaherah: Darul Kutub.
- Amabile, T. (1988). A Model of Creativity and Innovation in Organizations. *Research in Organizational Behavior*, 10, 123–167.
- Amabile, T. M., Hill, K. G., Hennessey, B. A., & Tighe, E. M. (1994). The Work Preference Inventory: Assessing Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 66(5), 950–967.
- An-Nasaie, A. A. R. A. S. (1986). *Sunan an-Nasa'ie*. Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- An-Nawawi, A. Z. M. (1972). *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*. Beirut: Daru Ihya' at-Turath al-Islami.
- At-Tabrani, S. bin A. A. (n.d.). *al-Mukjam al-Ausat*. Kaherah: Darul Haramain.
- At-Tabrani, S. bin A. A. (1993). *ad-Du'a*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- At-Tahir, H. A. (2008). *Penjelasan Asmaulhusna*. (Zulfahmi Lubis, Ed.). Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- At-Tirmizi, A. I. (1998). *Sunan at-Tirmizi*. Beirut: Darul Ghorbil Islamiy.
- Bahagian Pendidikan Guru. (n.d.). *Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dawson, P., & Andriopoulos, C. (2017). *Managing Change, Creativity & Innovation* (3rd Editio). Singapore: SAGE Publications.
- Fischer, C., Malycha, C. P., & Schafmann, E. (2019). The Influence of Intrinsic Motivation and Synergistic Extrinsic Motivators on Creativity and Innovation. *Frontiers in Psychology*, 10(February), 1–15. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.00137>
- Ford, C. M. (1996). A Theory of Individual Creative Action in Multiple Social Domains. *Academy of Management Review*, 21(4), 1112–1142.
- Hasan Langgung. (1991). *Kreativitas dalam Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Hashimah Md Yusoff. (2019). *Hubungan Personaliti, Personaliti Pro Aktif Dan Kraf Kerja Terhadap Pemupukan Kreativiti Dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn Hajar al-Asqalani, A. bin A. (1960). *Fathul Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Darul Makrifah.
- Ibn Hibban, M. bin H. (1988). *Sahih Ibni Hibban*. Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- Ibn Kasir, A. F. I. bin U. (2008). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- Ibn Khaldun, A. M. (2001). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibnu Majah, A. A. M. Y. (n.d.). *Sunan Ibni Majah*. Dar Ihya' at-Turath al-Arabiy.
- Ibrahim Anis, Abdul Halim Muntasir, Atiyyah as-Su al-Hay, & Muhammad Khalfullah Ahmad. (n.d.). *Al-Mukjam al-Wasit*.
- Jamal Badi. (2014). Divine Creativity and Its Impact on Revitalizing Muslims' Creativity. ' *Ulum Islamiyyah Journal*, 13, 91–114. <https://doi.org/10.12816/0012631>
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Teknologi*, 56, 179–198.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Kementerian

Pendidikan Malaysia.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Standard Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/dasar/1221-standard-prestasi-ppp-edisi-awal-2016/file>
- Lednor, P. W. (2019). *How to be Innovative*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Mathe, H. (2016). *Living Innovation: Competing in the 21st Century Access Economy*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Mohammad Amir Wan Harun, Aminuddin Ruskam, Ahmad Syukran Baharuddin, Rashidah Othman, & Mohd Ariff Abdul Sarip. (2015). Epistemologi Praktik Bahan Bantu Mengajar Nabawi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* (EISSN: 2289-8204), 2(2). <https://doi.org/10.11113/umran2015.2n2.6>
- Mohd Azhar Abd Hamid, Mohd Koharuddin Balwi, & Muhamed Fauzi Othman. (2006). *Reka Cipta & Inovasi dalam Perspektif Kreativiti*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Faez Ilias, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2013). The Perception of Islamic Education Teacher on Teaching Aids in Smart School: A Pilot Study. *Jurnal Teknologi*, 65(1), 39–43.
- Mohd Faez Ilias, Murihah Abdullah, Kalthom Husain, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Hafiz Abdullah, & Arieff Salleh Rosman. (2016). Jenis-Jenis Sumber Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Dalam. *Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi Edisi Khas*, 3(1), 41–55.
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Menerusi Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *Journal of Islamic Educational Research*, 2(1), 1–14.
- Mohd Zaidi Ismail. (2014). *Islam & Higher-Order Thinking: An Overview*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Morris, C. G., & Maisto, A. A. (2002). *Psychology: An Introduction*. New Jersey: Prentice Hall.
- Muslim, I. al-H. A. H. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' at-Turath al-'Arabiyy.
- Reeve, J. (2005). *Understanding Motivation and Emotion*. John Wiley & Sons, Inc.
- Rogers, E. M. (1983). *Diffusion of Innovations* (Third Edit). New York: The Free Press. <https://doi.org/10.1002/chp.4750170109>
- Said Ibrahim. (1995). *Huraian Asma' al-Husna: Jalan Menghayati Akidah Islam*. Kuala Lumpur: Darul Makrifah.
- Shulman, L. S. (1986). Those who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform. *Harvard Educational Review*, 57(1), 1–23.
- Siti Fatimah Ahmad, & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53–64.
- Thurlings, M., Evers, A. T., & Vermeulen, M. (2015). Toward a Model of Explaining Teachers' Innovative Behavior: A Literature Review. *Review of Educational Research*, 85(3), 430–471. <https://doi.org/10.3102/0034654314557949>
- Umar Faruq Abd Allah. (2006). Innovation and Creativity In Islam. Retrieved from <http://www.nawawi.org/wp-content/uploads/2013/01/Article4.pdf>
- Wahbah az-Zuhaili. (1997). *At-Tafsir al-Munir fil Akidah wasy Syari'ah wal Manhaj*. Damsyik: Darul Fikr al-Mu'asoroh.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2016). Tuntutan, Ciri dan Contoh

- Ustaz/Ustazah Inovatif. In Noornajihan Jaafar (Ed.), *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam* (pp. 289–308). Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2018). *Inovasi Pendidikan Islam: Inspirasi dan Transformasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM).
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2014). *Permata buat Orang yang Beriman*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.